

30/07/2002

Tidak perlu gopoh adakan pilihan raya

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak perlu gopoh mengadakan pilihan raya umum meskipun sesetengah pihak berpendapat keadaan sekarang amat kondusif, termasuk meningkatnya sokongan daripada kakitangan awam.

Perdana Menteri percaya kerajaan Barisan Nasional (BN) masih boleh menang walaupun pilihan raya diadakan kemudian.

"Segala-galanya memihak (kepada kerajaan). Kita percaya kita masih boleh menang. Jadi kita nak gopoh buat apa. Mungkin di masa depan, ada yang lebih baik dan meletakkan (kerajaan) dalam keadaan yang lebih baik untuk menang pilihan raya," katanya pada sidang akhbar bagi mengumumkan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang menggantikan Sistem saraan Baru (SBB) di sini, petang ini.

Beliau ditanya mengenai SSM itu yang lebih menarik berbanding SSB dan ini mungkin menambat hati lebih 950,000 kakitangan. Ini kerana SSB yang dilaksanakan sejak 10 tahun lalu dikatakan menyebabkan ramai kakitangan awam tidak puas hati terhadap kerajaan kerana skim itu dikatakan tidak adil.

Mengenai kemungkinan pengenalan SSM sebagai harapan baru kepada kakitangan awam dan petanda pilihan raya umum diadakan tidak lama lagi, Dr Mahathir berkata kakitangan awam tidak akan lupa jasa kerajaan.

"Tak seperti sesetengah pihak diajar supaya jangan berterima kasih kepada kerajaan, dapat apa pun gigit tangan orang yang memberi. Tetapi di kalangan kakitangan awam ini, tak ada orang yang tak kenang budi...semuanya kenang budi," katanya.

Ditanya bila orang ramai boleh menjangka pilihan raya umum akan datang diadakan, beliau secara berseloroh berkata, bila-bila masa di antara sekarang dan 2004.

Dr Mahathir juga berkata, memang ada kakitangan awam mendakwa bahawa SSB menyebabkan sesetengah pihak menjadi mangsa ketidakadilan, tetapi kerajaan tidak membuat kajian sebenar mengenai perkara itu.

Katanya, ia adalah soal penilaian dan kadang-kala penilaian peribadi memang menyebabkan ada pihak tidak berpuas hati.

"Kalau kita dibicarakan di mahkamah pun, kalau hakim jatuhkan hukuman, banyak orang tak puas hati. Dia kata tak betullah. Kalau dia kena lepas (bebas), dia kata hakim itu baik," katanya.

Bagaimanapun katanya, berbanding di sesetengah negara maju, gaji kakitangan awam di negara ini lebih baik.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Cuepacs kerana memberi kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi melahirkan SSM melalui rundingan tanpa konfrontasi.

Mengenai aduan bahawa kakitangan awam banyak menghabiskan masa bersembang di kedai kopi pada waktu pejabat, Dr Mahathir berkata sebenarnya hanya sebilangan kecil yang berbuat demikian.

"Cuepacs pun tak setuju dengan cara minum kopi sampai sejam, dua jam. Tetapi ada kambing hitam dalam mana-mana kumpulan, tapi majoriti patuh kepada peraturan kerajaan. Tak banyaklah yang jam 3 (petang) keluar nak main golf, tak ada," katanya.

Katanya, beliau memperkenalkan kad perakam waktu untuk kakitangan awam 21 tahun lalu setelah memerhati keadaan.

"Sebenarnya pasal saya tengok keluar dari tingkap, nampak orang dah balik dah pukul 3. Tanya pasal apa, dia kata main golf. Tak bolehlah macam

itu. Anda kerja dengan kerajaan, kena balik pada waktu ditetapkan.

"Jika nak minum kopi, sembang sekejap, (kemudian) balik (pejabat)," katanya.